

# 'Ada badan2 amal bergiat cari untung sendiri'-Aishah

Bahan asal dari Akhbar

Negara Malaysia

**KUALA LUMPUR, Jumaat.**— Menteri Kebajikan Am, Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani mendedahkan adanya persatuan kebajikan palsu.

Mereka mengutip derma yang menggunakan tenaga orang-orang cacat untuk kepentingan sendiri.

Kejadian ini kerap berlaku dan kes-kes seperti ini sedang dalam perhatian Kementerian dan akan diambil tindakan sewajarnya.

Pendedahan itu dibuat oleh Datin Paduka Aishah selepas majlis menerima beberapa cek berjumlah \$11,887.85 di Bilik Gerakan Kementerian paginya ini.

Derma tersebut adalah sumbangan dari Persatuan Wanita Jepun dan Persatuan Gereja Baptis Canaan, masing-masing menderma \$7,000 dan \$4,887.85 sen untuk membantu orang-orang terencat akal, orang-orang cacat dan orang-orang tua melalui Kementerian Kebajikan Am.

Menurut Datin Paduka Hajjah Aishah, terdapat persatuan yang mengaku sebagai pertubuhan kebajikan mengutip derma dari kedutaan negara-negara asing.

Menurutnya, sebuah kedutaan asing di sini telah menerima permohonan bantuan kewangan \$1 juta dari persatuan tersebut. Bagaimanapun kedutaan itu membatalkannya setelah mendapati persatuan itu palsu.

Katanya, "Memang ada pertubuhan-pertubuhan kebajikan yang benar-benar tulen dan sah. Tetapi malangnya ada pula golongan yang mengambil peluang

kelemahan orang-orang cacat itu semata-mata untuk memenuhi kepentingan diri sendiri sahaja."

"Ini sangat mendukacitakan kerana eksploitasi tenaga orang-orang cacat ini sangat zalim," ujarnya lagi.

Beliau juga mendedahkan antara mereka yang terlibat dalam kegiatan pertubuhan kebajikan palsu ini ialah orang-orang terpelajar.

## Berjaga2

Datin Paduka Hajjah Aishah mengingatkan orang ramai berjaga-jaga ketika memberi sebarang bantuan kepada mana-mana pertubuhan kebajikan.

Katanya, "Ini adalah untuk memastikan mereka tidak ditipu oleh golongan yang berniat jahat dan merugikan bantuan yang diberi dengan ikhlas."

Menteri Kebajikan Am itu meminta kerjasama orang ramai untuk memberi perhatian terhadap pertubuhan kebajikan palsu dan menyampaikannya maklumat sekiranya terdapat ujudnya kegiatan seumpama itu agar dapat dibentasi dengan segera.